

PERBANDINGAN CIRI KESELAMATAN SURAU PASARAYA TERPILIH DI ZON BANDAR SELAMAT, SABAH

COMPARISON OF SAFETY FEATURES OF SELECTED SHOPPING CENTERS IN THE SAFE BANDAR ZONE, SABAH

Dr. Nor-Ina Kanyo^{1*}
Ahmad Tarmizi Abdul Rahman²
Rohana Padzil³
Nur Fitri Aida Jamali⁴
Jashmaira Kipli⁴
Falmon Kain⁴
Rahim Ahmad⁵

¹ Profesor Madya Dr., Program Geografi FSSK dan, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

(E-mail: norina@ums.edu.my)

² Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Malaya.

⁴ Pelajar Sarjana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

⁵ Pengajian Multimedia, Universiti Utara Malaysia (UUM)

* Corresponding author

Article history

Received date : 20-7-2026

Revised date : 21-7-2026

Accepted date : 18-9-2026

Published date : 22-9-2026

To cite this document:

Kanyo, N., Abdul Rahman, A. T., Padzil, R., Jamali, N. F. A., Kipli, J., Kain, F., & Ahmad, R. (2026). Perbandingan ciri keselamatan surau pasaraya terpilih di Zon Bandar Selamat, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 731 – 743.

Abstrak: Kajian ini membincangkan tentang perbandingan ciri keselamatan surau di pasaraya terpilih zon bandar selamat di Sabah meliputi daerah Kota Kinabalu, daerah Sandakan dan juga daerah Tawau. Kajian ini menggunakan kaedah mix-method iaitu data kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan data. Temubual jabatan juga dilaksanakan dalam penelitian ini iaitu ke atas JHEINS, Pihak pengurusan pasaraya serta Majlis Perbandaran iaitu MPT, Tawau dan Majlis perbandaran Sandakan (MPS). Keselamatan surau adalah merupakan elemen yang penting dan perlu diberi perhatian dalam arus pembangunan negara. Hal ini kerana, setiap isu dan jenayah yang berlaku memberi kesan secara langsung kepada ekonomi, sosial, politik, serta keharmonian masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Kejadian jenayah juga dilihat menjadi salah satu cabaran utama kepada kerajaan dalam usaha untuk membanteras bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat dapat dijalankan setiap hari tanpa sebarang bentuk gangguan. Oleh itu, kajian ini cuba untuk memfokuskan ciri-ciri keselamatan surau di kawasan pasaraya yang terpilih di daerah kajian di Sabah dalam aspek keselamatan kepada para pengguna mahupun orang awam khususnya. Antara yang diberi penekanan atau perhatian ialah persekitaran dan lokasi letakan surau dalam pasaraya. Hasil kajian mendapati bahawa lokasi peletakan surau yang terdapat di pasaraya boleh mengundang kepada berlakunya ancaman jenayah kerana kawasan surau yang terletak jauh daripada orang awam,

tiada pengawalan keselamatan yang khusus dan juga kawasan surau yang tidak kondusif menjadi faktor utama kepada kejadian jenayah. Disebabkan itu, langkah yang progresif perlu dilakukan melalui kerjasama pihak pemegang taruh yang terlibat iaitu pihak pengusaha pasaraya, majlis perbandaran dan juga PDRM supaya konsep bandar selamat dapat direalisasikan di kawasan yang terlibat.

Kata kunci: Ciri Keselamatan Surau, Pasaraya, Jenayah, Zon Bandar Selamat, Sabah.

Abstract: *This study discusses the comparison of surau safety features in selected supermarkets in the safe city zone in Sabah covering the Kota Kinabalu district, Sandakan district and Tawau district. This study uses a mixed-method method, namely qualitative and quantitative data in data collection. Departmental interviews were also conducted in this study, namely with JHEINS, supermarket management and Municipal Councils, namely MPT, Tawau and Sandakan Municipal Council (MPS). Surau safety is an important element that needs to be given attention in the development of the country. This is because every issue and crime that occurs directly affects the economy, social, politics, and the harmony of society and the country as a whole. Crime incidents are also seen as one of the main challenges for the government in its efforts to eradicate it to ensure that the people's lives can be carried out every day without any form of disturbance. Therefore, this study attempts to focus on the safety features of suraus in selected supermarket areas in the study area in Sabah in terms of safety for consumers and the public in particular. Among those given emphasis or attention is the environment and location of the surau in the supermarket. The results of the study found that the location of suraus in supermarkets can invite the threat of crime because the surau area is located far from the public, there is no specific security control and also the surau area is not conducive to crime. Therefore, progressive steps need to be taken through the cooperation of the stakeholders involved, namely the supermarket operators, the municipal council and the PDRM so that the safe city concept can be realized in the areas involved.*

Keywords: *Surau Security Features, Supermarket, Crime, Safe City Zone, Sabah.*

Pengenalan

Pembangunan yang berlaku adalah sangat pesat disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang berlaku dalam sesebuah negara. Kadar pertumbuhan penduduk juga merancakkan lagi pembangunan baik dari segi ekonomi, sosial mahupun politik. Keadaan ini telah menyebabkan aspek pembangunan dilihat sebagai salah satu medium dalam membawa arus pemodenan sesebuah negara dan memberikan impak yang positif. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sesebuah negara yang melalui proses pembangunan globalisasi turut tidak terlepas daripada isu-isu yang melibatkan keselamatan negara. Migrasi ataupun kemasukan orang ramai dalam sesebuah negara yang didorong oleh faktor peluang pekerjaan secara tidak langsung menjadikan sesebuah kawasan itu dilatari dengan pelbagai latar belakang sosial yang berbeza-beza.

Surau adalah merupakan salah satu keperluan masyarakat yang beraga Islam untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai orang Muslim dalam beribadah. Fungsi surau bukan sahaja tempat beribadah, malah dijadikan tempat persinggahan untuk merehatkan diri. Kebiasaannya, peletakan surau di kawasan pasaraya ini dijadikan kawasan ibadah untuk sementara bagi pengunjung yang mendatangi pasaraya tersebut. Jumlah pengunjung dan latar belakang pengguna surau juga adalah berbeza setiap hari. Justeru, melihat kepada kepentingan

penggunaan surau ini setiap hari, kajian ini cuba melihat bagaimana ciri-ciri keselamatan surau dilihat mempengaruhi penggunaan surau setiap hari khususnya dalam aspek keselamatan. Berikut adalah merupakan perbincangan terhadap persepsi masyarakat terhadap ciri – ciri keselamatan surau di kawasan pasaraya yang terpilih dalam zon bandar selamat di Sabah melibatkan tiga lokasi daerah yang berbeza iaitu daerah Kota Kinabalu, daerah Sandakan dan juga daerah Tawau. Ciri – ciri keselamatan ini adalah penting untuk menilai sejauhmana aspek keselamatan diterapkan dalam sesebuah surau yang merangkumi keselamatan pengguna baik dari segi fasiliti mahupun jenayah sosial.

Tinjauan Literature

Konsep keselamatan

Aspek keselamatan merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan masyarakat tanpa mengira taraf kehidupannya sama ada miskin atau susah, tinggal di bandar atau di pinggir bandar. Isu yang berkaitan dengan keselamatan merupakan penentu status kesejahteraan hidup di bandar (Lim et. al. 1999; Cummins, 2000; Narayna, 2009; Sirgy, 2011 dlm. Mohamad Shaharudin Samsurijan et. al., 2012). Menurut Pan et al., 2016, menyatakan bahawa keselamatan ialah perlindungan yang diberi kepada kanak-kanak dan orang dewasa terhadap kemalangan, kecederaan dan ancaman yang selalunya berkaitan dengan amalan, sikap dan persekitaran. Menurut Holt (2005) dalam Marinah Awang & Norhazwani Suyantob, 2017; konsep keselamatan adalah sebagai satu keadaan yang tiada bahaya, tiada ruang yang boleh menyebabkan bahaya, serta keadaan yang tiada risiko kemalangan. Raudhiah, Nakiah & Hashim (2015), keselamatan juga merujuk kepada suatu keadaan suasana kerja dalam keadaan selamat, bebas dari risiko kemalangan. Menurut Nurul Fazreen (2013), keselamatan ditakrifkan sebagai perihai selamat, kesejahteraan, keamanan yang baik. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa konsep keselamatan merangkumi pelbagai sub petunjuk kepada selamat, tiada bahaya, tiada ancaman dan perlindungan.

Keselamatan surau

Aspek keselamatan bukan sekadar penting untuk diketengahkan dalam membincangkan keselamatan harta benda, namun ianya juga telah melibatkan konsep keselamatan yang lebih luas termasuk rumah ibadah seperti masjid, surau, kuil, gereja dan sebagainya. Terdapat juga kes jenayah juga dilaporkan melibatkan masjid dan surau. Sungguhpun surau mempunyai fungsi yang pelbagai, namun masih kurang penelitian termasuk tipologi seni bina bangunan surau (Shah Rizal, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, 2019). Masjid dan surau merupakan dua tempat ibadah, namun terdapat perbezaan yang jelas. Masjid adalah pusat ibadah Islam yang disebut di dalam al-Quran dan merupakan tempat khusus untuk menunaikan solat lima waktu secara berjemaah (Zulkifli, 2016 dan Irwan et al., 2014). Semasa kepimpinan Nabi Muhammad SAW, Masjid dan surau berperanan sebagai pusat berkumpul dan bermuafakat serta wadah membincangkan masalah kemasyarakatan. Pada masa tersebut, surau bukan sahaja sebagai tempat ibadat, juga berfungsi sebagai perkembangan ilmu, penyebaran maklumat, sosial dan penyatuan ummah. Melihat kepada kefungsi surau, aspek kebersihan dan keselamatan merupakan aspek yang dituntut dalam agama (Utusan Borneo, 16 Sept 2017). Dengan kata lain, surau mempunyai pelbagai fungsi meliputi pusat pembangunan insan, percambahan ilmu, minda dan pemikiran, pusat tamadun Islam, pusat penyelidikan maklumat (Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Ab Halim Tamuri, 2011). Oleh yang demikian, surau juga berperanan mengeratkan ukhwa dan silaturrahim dalam kalangan masyarakat.

Kawasan surau merupakan antara tempat yang menjadi tumpuan bagi masalah perlakuan jenayah. Pada tahun 2018, 89 kes jenayah yang berlaku di kawasan masjid. Hal ini menunjukkan masjid ataupun surau bukan lagi satu kawasan yang selamat untuk pengguna awam. Oleh itu, Semua masjid di Selangor yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mempunyai pegawai perhubungan masjid yang terdiri daripada anggota polis bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di rumah ibadat di bawah program '1 Masjid 1 Polis' bagi menangani masalah jenayah yang kerap berlaku di kawasan masjid (Malaysia Kini, 2019). Bersandar kepada kepentingan surau dan kurang penelitian berkaitan surau, isu keselamatan surau menjadi fokus kepada penelitian ini dalam kajian ini, khususnya di Sabah.

Bandar Selamat

Konsep Bandar selamat di Malaysia diwujudkan kerajaan kesan daripada peningkatan jenayah yang berlaku di Malaysia juga di kebanyakan bandar di seluruh dunia (UN-Habitat, 1996). Matlamat pengenalan Konsep Bandar Selamat adalah bagi mewujudkan suasana bandar mapan yang berdaya huni. Di Malaysia, konsep bandar selamat telah diperkenalkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF) seawal 1998 dan dirasmikan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohammad semasa pelancaran penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (Malaysia Crime Prevention Foundation) pada bulan Januari 1993. Melalui penubuhan Yayasan tersebut, membolehkan Malaysia telah terlibat secara langsung dalam forum perancangan pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *Asia Crime Prevention Foundation* di Shizuoka, Jepun. Pelaksanaan BS mendapat perhatian pihak pengurusan tertinggi negara, yang mana pada 19 Mac 1998, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang juga merupakan ahli jemaah YPJM pada masa itu telah meluluskan cadangan konsep Bandar Selamat sebagai satu inisiatif pencegahan jenayah di Malaysia. Pada peringkat awal pelaksanaan BS di Malaysia, 2 kawasan dipilih sebagai projek perintis pelaksanaan Bandar Selamat iaitu di Bangsar Baru dan Rumah Awam Sri Johor, Cheras (Berita Harian, 5 Mei 2010). Melalui pelaksanaan Bandar Selamat di kawasan berkenaan, kadar jenayah berkurangan sehingga 12 peratus dan akhirnya membawa kepada perluasan pelaksanaan konsep Bandar Selamat ke seluruh negara. Berikutan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) memperkenalkan KBS yang mempunyai tiga ciri utama iaitu (i) mewujudkan sebuah bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental; (ii) persekitaran yang sentiasa dalam keadaan yang paling terpelihara selain tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian mengganggu-gugat kesejahteraan setempat, (iii) bandar selamat juga menjanjikan supaya penghuni sentiasa berada dalam keadaan paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria (Berita Harian, 5 Mei 2010). Bagi memperkasakan keberkesanan konsep Bandar Selamat, Majlis Negara bagi pihak Kerajaan Tempatan (MNKT) telah menggariskan 3 strategi utama yang mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah untuk dilaksanakan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2014). Terdapat 3 strategi dalam pelaksanaan KBS iaitu (i) Membentuk persekitaran fizikal (ii) Perneriksaan kawasan sasaran (iii) Kegiatan sosial dan kemasyarakatan dan kesedaran awam. Menurut (UNHABITAT, 1996), pelaksanaan KBS perlu kepada 3 pendekatan iaitu (i) Pendekatan Pencegahan jenayah Bandar, (ii) Pendekatan multi-dimensi Bandar selamat dan (iii) Meningkatkan keselamatan melalui perancangan, pengurusan dan tadbir urus. Menurut Global Report On Human Settlements (2007), KBS telah dilaksanakan di kebanyakan bandar-bandar di dunia, namun demikian, program yang dilaksanakan adalah berbeza mengikut ciri-ciri dan keperluan setempat walaupun pendekatan inipatinya masih sama. Bagi memastikan Program Bandar Selamat dilaksanakan dengan lebih berkesan, program

ini telah diperluas dengan menambah bilangan PBT iaitu sebanyak 151 PBT di seluruh negeri Malaysia pada tahun 2011 (Laporan Tahunan GTP, 2011). Peningkatan jenayah jalanan yang membimbangkan, konsep Bandar Selamat diberi nafas baru dengan fokus utama kepada mengurangkan jenayah jalanan di bawah GTP1.0 NKRA mengurangkan jenayah dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat. Pada 25 Januari 2010, Ketua setiausaha KPKT (Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan) telah mengarahkan agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan Program BS (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2014). Pada 16 April 2010, Unit Khas NKRA Bandar Selamat ditubuhkan yang berfungsi bagi (i) Mempertingkatkan peranan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan menyelaraskan segala aspek perancangan bandar dan desa, (ii) Memperluaskan Program Bandar Selamat ke atas tiga komponen utama iaitu (a) bebas dari kemusnahan dan malapetaka bencana alam, (b) bebas dari kemerosotan sosial dan moral dan (c) bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Bandar Selamat oleh semua PBT termasuk di Sabah dan Sarawak, (iii) Menjadi pentadbir dan pengurus SPBS (Pembangunan GIS Jenayah dan Bandar Selamat) yang dibangunkan pada tahun 2010 yang dihubungkan terus daripada *Police Reporting System* (PRS) Polis Diraja Malaysia, (iv) Menjadikan JPBD sebagai pusat rujukan *Malaysian Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) untuk meningkatkan kualiti hidup dengan mewujudkan alam persekitaran bandar selamat dan fungsi terakhir ialah (v) Mencapai semua sasaran yang dipertanggungjawabkan kepada JPBD di bawah NKRA mengurangkan jenayah yang mana (a) semua PBT perlu melaksanakan Program Bandar Selamat dan (b) sekurang-kurangnya 90% bandar utama di Malaysia dikategorikan sebagai terbaik dalam mengurangkan jenayah. Usaha pihak kerajaan dalam memperkasakan pelaksanaan KBS yang merupakan inisiatif dan mekanisme membendung masalah jenayah di negara ini adalah secara berterusan. Hal ini jelas diperlihatkan melalui peruntukan yang disalurkan kerajaan bagi mempergiatkan pelaksanaannya. Pada tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperuntukkan RM36 juta untuk mengaktifkan semula dan memperluas Program BS kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dan ditingkatkan kepada RM72 juta pada tahun 2011 bagi pengembangan BS kepada 151 PBT bagi memastikan bandar-bandar senantiasa dalam keadaan selamat (Laporan Tahunan GTP, 2014). Bagi memastikan momentum usaha BS dikekalkan, KDN telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Bandar Selamat. Di negara barat, bandar selamat dilaksanakan sejak tahun 1980-an lagi. Di Malaysia, mencatatkan bahawa Bandar Shah Alam adalah bandar pertama yang melaksanakan Program Bandar Selamat (PBS), (Ainur & Jalaluddin, 2010).

Pelaksanaan awal BS di Malaysia banyak menumpukan langkah fizikal dan kawasan titik panas. Penyelidikan seterusnya memperlihatkan bahawa keberkesanan tidak seragam antara bandar kerana persepsi penduduk dipengaruhi oleh pengalaman jenayah, demografi, keadaan kawasan dan tahap pengetahuan tentang program (Fareed & Hussain, 2013; Mustaffa et al., 2013; Sakip et al., 2025). Perkembangan ini mendorong pemahaman yang lebih luas iaitu keselamatan ialah hasil tadbir urus bersama antara pihak berkuasa tempatan, polis, perancang bandar, organisasi komuniti dan penduduk. Kajian mutakhir juga turut mengukuhkan keperluan analisis yang melangkaui satu indikator. Analisis spatial membantu mengenal pasti tumpuan kesalahan harta benda dan menyasarkan intervensi, tetapi peta titik panas tidak dengan sendirinya menjelaskan mengapa penduduk berasa takut atau enggan menggunakan ruang awam (Ahmad et al., 2024). Kajian persepsi merentas 46 pihak berkuasa tempatan pula menunjukkan bahawa penilaian rasa selamat berbeza mengikut komuniti dan lokasi (Sakip et

al., 2025). Oleh itu, data polis, audit persekitaran dan pengalaman komuniti perlu ditriangulasikan. Selain daripada itu, kajian tempatan menunjukkan bahawa kesesuaian sesuatu langkah BS perlu dinilai secara spatial dan tidak boleh diasumsikan seragam bagi semua kawasan (Kanyo et al., 2019). Penyelidikan di Kota Kinabalu juga menegaskan potensi penglibatan komuniti untuk memperkukuh daya huni dan keselamatan di zon titik hitam jenayah (Samuni et al., 2021a; Samuni et al., 2021b). Dapatan ini memberi asas tempatan yang lebih relevan berbanding pemindahan langsung contoh dari Semenanjung atau luar negara.


Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan penemuan penyelidikan terhadap ciri-ciri keselamatan surau di kawasan pasaraya yang terpilih dalam kawasan zon bandar selamat di daerah Sabah. Kurang terdapat rekod dan kajian ilmiah yang dijalankan berkaitan isu keselamatan surau ini di negara ini amnya dan Sabah khususnya. Justeru kajian telah dijalankan untuk membuat penilaian dengan lebih terperinci berkaitan aspek keselamatan surau dari pelbagai aspek khususnya di kawasan pasaraya terpilih dalam daerah zon bandar selamat, Sabah.

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah mix-metod iaitu kaedah kepustakaan dan edaran borang soal selidik. Kaedah kepustakaan ialah penulisan yang mengulas sesuatu penemuan dan kaedah dalam sesebuah topik. Kajian kepustakaan adalah melibatkan dapatan sumber sekunder iaitu seperti rujukan kajian-kajian lepas, buku, penulisan jurnal, keratan akhbar dan kenyataan media. Dalam kajian ini kaedah kepustakaan adalah melalui dapatan artikel, jurnal, kenyataan media dan laman web rasmi kerajaan. Manakala edaran borang soal selidik adalah bagi mendapatkan data kuantitatif yang menggunakan 300 edaran borang soal selidik di kawasan zon bandar selamat yang menggunakan soalan tertutup, ‘ya’ dan ‘tidak’ serta skala likert.

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dilaksanakan dengan menemubual responden yang terdiri daripada masyarakat di kawasan zon bandar selamat, Sabah. Dalam borang soal selidik kajian ini akan terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian (a) maklumat responden. Bahagian (b) ciri-ciri dan isu yang melibatkan keselamatan surau di kawasan pasaraya yang terpilih (c) faktor-faktor dan tahap keselamatan surau di kawasan pasaraya terpilih dalam zon bandar selamat, Sabah. Setelah selesai data dikutip, data dianalisis menggunakan perisian Statistical Packade for the Sosial Science (SPSS) dan dipaparkan dalam bentuk peratus menggunakan jadual dan graf.



Peta 1: Daerah Bandar Selamat Kajian


Sumber: Penyelidikan FRGS 1/2019

Penemuan Kajian

Perbandingan Ciri Keselamatan Surau Di Pasaraya Terpilih Zon Bandar Selamat Mengikut Daerah di Sabah


CIRI KESELAMATAN SURAU		DAERAH					
		KOTA KINABALU Peratus (%)		SANDAKAN Peratus (%)		TAWAU Peratus (%)	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Terdapat CCTV	29	71	33	67	33	67
2	Pihak pengawal keselamatan	0	100	0	100	0	100
3	Pagar/penghadang	0	100	0	100	0	100
4	Terdapat pintu	100	0	100	0	100	0
5	Terdapat lampu	100	0	100	0	100	0
6	Ruang parking	43	57	67	33	67	33
7	Ruang wudu'	100	0	100	0	100	0
8	Poster Nombor kecemasan	100	0	0	100	0	100
9	Papan tanda peringatan jenayah	0	100	0	100	0	100
10	Fasiliti surau yang mesra OKU	0	100	0	100	0	100
11	Penggera keselamatan kecemasan	0	100	0	100	0	100
12	Papan tanda No AJK Surau Untuk dihubungi	63	37	0	100	0	100
13	Papan tanda no pihak pengurusan surau dihubungi	63	37	0	100	0	100
14	Loceng untuk tujuan pertolongan	0	100	0	100	0	100
15	Kemudahan intercorn (peti rakaman suara)	0	100	0	100	0	100

Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan FRGS, 2022




Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan FRGS, 2022

Rajah di atas adalah berkaitan dengan perbandingan ciri keselamatan surau di pasaraya terpilih dalam zon bandar selamat daerah Sabah yang melibatkan tiga lokasi kajian iaitu daerah Kota Kinabalu, daerah Tawau dan juga daerah Sandakan. Bagi kawasan Kota Kinabalu, pilihan tertinggi responden memilih 'ya' adalah terdapat pintu (100%), diikuti dengan terdapat lampu (100%), terdapat poster ataupun no kecemasan untuk dihubungi juga (100%), terdapat papan tanda peringatan jenayah (100%), diikuti dengan terdapat papan tanda nombor ahli jawatankuasa surau untuk dihubungi sekiranya berlaku sebarang bentuk kecemasan dan akhir sekali adalah terdapat papan tanda nombor pihak pengurusan surau yang dihubungi. Manakala, bagi pilihan tertinggi 'tidak' pula responden memilih tidak ada penyediaan cctv ataupun kamera litar tertutup dikawasan surau iaitu sebanyak (71%), tidak ada pihak pengawal keselamatan (100%), tidak ada pagar ataupun penghadang, diikuti dengan ruang parking (57%), tidak ada papan tanda peringatan jenayah di kawasan surau daerah tersebut (100%). Selain itu, fasiliti surau yang tidak mesra orang kurang upaya (OKU) sebanyak (100%), tidak terdapat penggera keselamatan (alarm) sekiranya berlaku kecemasan (100%), tidak terdapat loceng dinding untuk tujuan pertolongan (100%) dan juga tidak terdapat kemudahan intercom ataupun peti rakaman suara (100%).



Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan FRGS,2022

Seterusnya, bagi kawasan daerah Sandakan pula, pilihan tertinggi menunjukkan ciri keselamatan 'ya' adalah terdapat pintu (100%), kedua terdapat lampu (100%), terdapat ruang parking (67%), diikuti dengan terdapat ruang wuduk (100%). Selain itu pilihan tertinggi 'tidak' juga menunjukkan responden memilih tidak terdapat penyediaan cctv ataupun kamera litar tertutup (67%), kedua tidak terdapat pihak pengawal keselamatan (100%), tidak ada pagar ataupun penghadang (100%), diikuti dengan tidak terdapat poster nombor kecemasan untuk dihubungi (100%). Bagi pilihan tidak terdapat papan tanda peringatan jenayah menunjukkan pilihan 'tidak' sebanyak (100%), fasiliti surau yang mesra OKU pilihan tidak (100%), tidak terdapat penggera keselamatan ataupun alarm sekiranya berlaku kecemasan (100%), Terdapat papan tanda no AJK Surau yang dihubungi (100%), Terdapat papan tanda no pihak pengurusan surau dihubungi (100%), dan juga Terdapat kemudahan intercorm (peti rakaman suara) menunjukkan pilihan 'tidak' sebanyak (100%).



Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan FRGS, 2022

Rajah berikut adalah hasil dapatan berkaitan ciri-ciri keselamatan surau di pasaraya yang terpilih daerah Tawau. Terdapat 15 elemen ciri-ciri keselamatan yang menjadi ukuran iaitu yang pertama adalah terdapat kamera litar tertutup ataupun *cctv* menunjukkan responden memilih ‘tidak’ sebanyak 200 orang bersamaan (67%) manakala ya iatu 100 orang (33%). Kedua terdapat pihak pengawal keselamatan menunjukkan pilihan responden ‘tidak’ ada sebanyak (100%). Seterusnya, keselamatan dari segi penyediaan pagar/penghadang di kawasan surau juga mendapati pilihah ‘tidak’ disediakan iaitu sebanyak (100%), diikuti dengan terdapat pintu pilihan ‘ya’ adalah sebanyak (100%) begitu juga dengan terdapat lampu pilihan ‘ya’ iatu pada pilihan tertinggi (100%). Ciri keselamatan seterusnya ialah terdapat ruang parking pilihan ya adalah 200 responden memilih bersamaan (67%) manakala ‘tidak’ sebanyak 100 (33%) sahaja.

Penyediaan kawasan ruang wuduk bagi pengunjung surau pilihan tertinggi iaitu ya sebanyak (100%) manakala ciri keselamatan yang lain seperti terdapat poster nombor kecemasan yang boleh dihubungi, terdapat papan tanda peringatan jenayah, fasiliti surau yang mesra oku ‘tidak’ disediakan di mana-mana kawasan surau yang dipilih dalam kajian ini dengan hasil masing – masing pilihan tertinggi iaitu ‘tidak’ sebanyak. Bukan itu sahaja, ciri keselamatan yang lain turut mempunyai pilihan ‘tidak’ iaitu pada kadar (100%) ialah terdapat penggera keselamatan (alarm) sekiranya berlaku kecemasan, terdapat papan tanda nombor telefon AJK surau yang dihubungi, terdapat loceng dinding untuk tujuan pertolongan dan yang terakhir sekali terdapat kemudahan *intercorn* ataupun peti rakaman suara masing – masing tidak disediakan di semua kawasan surau dalam pasaraya yang terpilih.

Perbincangan

“Secara keseluruhannya, dapat dilihat melalui kajian ini bagaimana ciri-ciri keselamatan dalam pembinaan surau memainkan peranan penting dalam penggunaan surau secara harian. Dalam hal ini, kawasan surau yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lengkap akan memberikan persepsi yang baik kepada pengguna surau di setiap kawasan. Secara tidak langsung ianya akan meningkatkan tahap penggunaan surau di kawasan tersebut kerana dilengkapi dengan ciri keselamatan yang baik. Sebagai contoh, ciri keselamatan yang menjadi salah satu ukuran adalah pemasangan *cctv*. Kebanyakan pengguna surau merasa selamat untuk melakukan ibadah di kawasan surau tersebut sekiranya dilengkapi dengan kemudahan *cctv*, hal ini kerana mereka berpendapat sekiranya berlaku sebarang bentuk kemalangan, kes jenayah sosial mahupun jenayah harta benda milik persendirian atau awam akan dapat dikenalpasti setiap pelaku yang membuat kegiatan tersebut. Bukti kejadian juga turut dirakam melalui *cctv* yang disediakan. Kajian ini mendapat hanya segelintir sahaja kawasan surau yang memasang *cctv* di kawasan surau yang mana ianya memberi persepsi yang tidak baik kepada pengunjung.

Seterusnya, ciri keselamatan yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah penyediaan pihak pengawal keselamatan. Umum mengetahui bahawa setiap pasaraya mahupun kedai-kedai yang berskala besar mempunyai pihak pengawal keselamatan yang bertujuan untuk mengawal dan menjaga keselamatan kawasan premis tersebut. Namun begitu, terdapat pasaraya yang ada di kawasan surau tidak mempunyai pengawal keselamatan yang khusus di mana tugas dan ruang penjagaan pengawal keselamatan meliputi satu bangunan pasaraya dan tidak mempunyai pengawal keselamatan yang khusus untuk menjaga keselamatan surau. Keadaan ini sekaligus akan mendatangkan persepsi perasaan takut dalam pengguna surau khususnya golongan wanita. Analisis mendapati perletakan surau di pasaraya adalah yang paling banyak tertelak di kawasan lot parking dan jauh daripada orang awam. Situasi seperti ini akan memberi ruang dan juga peluang kepada penjenayah dalam melakukan kegiatan yang tidak bermoral seperti melakukan

kegiatan ragut, mencuri harta benda awam mahupun harta benda milik persendirian, serta kegiatan lain seperti remaja yang lepak di kawasan tersebut akan mengundang perasaan takut untuk menggunakan surau.

Responden daripada golongan wanita juga berpendapat bahawa pentingnya pihak pengawal keselamatan ini untuk tujuan menjaga keselamatan pengguna surau. Selain itu, ciri keselamatan di kawasan surau adalah dari segi penyediaan lampu untuk tujuan pencahayaan di kawasan laluan surau. Terdapat responden yang menyatakan bahawa kawasan surau yang sunyi dan tidak kondusif menjadikan mereka berasa tidak selesa untuk menggunakan fasiliti surau untuk tujuan melakukan ibadah. Terutama bagi golongan wanita yang tidak berani untuk pergi ke surau apabila menjelang waktu maghrib dan isyak kerana tidak ada pencahayaan lampu di kawasan tersebut. Kawasan gelap, sunyi dan lengang menjadi faktor kepada pelakuan jenayah untuk melakukan kegiatan mereka

Penutup

Kesimpulannya, kajian ini dapat mengetahui persepsi ciri – ciri keselamatan surau di kawasan pasaraya yang terpilih dalam zon bandar selamat di daerah Sabah yang meliputi tiga lokasi kajian iaitu daerah Kota Kinabalu, daerah Sandakan dan juga daerah Tawau. Umumnya, bandar merupakan kawasan yang paling tinggi kadar jenayah ekoran proses pembandaran yang semakin pesat dan berkembang maju. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan dalam institusi keselamatan untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan bandar melalui langkah pencegahan yang mesra persekitaran seperti konsep bandar selamat.

Melalui kajian ini juga mendapati pelaksanaan konsep bandar selamat penting dari aspek polisi dan dasar kerajaan kerana ia dapat membantu pembuat dasar dalam merangka suatu pelan tindakan dalam mengintegrasikan usaha dan cadangan bagi meningkatkan ciri – ciri keselamatan pengguna surau secara keseluruhannya. Bukan itu sahaja, tugas dan peranan dalam mengawal serta menjaga keselamatan tidak terletak pada bebanan pihak berwajib sahaja, namun orang awam turut memberi peranan sebagai telinga dan mata kepada pihak berkuasa dalam menyampaikan serta membuat laporan sekiranya melihat kejadian jenayah yang berlaku di kawasan persekitaran mereka.

Kerjasama daripada pelbagai pihak adalah amat penting bagi membanteras kegiatan jenayah ini daripada terus berleluasa agar golongan penjenayah ini tidak mempunyai ruang dan peluang dalam melakukan kegiatan yang tidak bermoral. Usaha serampang dua mata ini bukan sahaja menguntungkan satu pihak, tetapi turut memberi keselesaan secara tidak langsung kepada orang awam agar bergerak bebas di kawasan bandar tanpa ada rasa takut dan prejudis terhadap persekitaran. Malah, usaha kerajaan dalam pembangunan bandar selamat turut dapat dilaksanakan dengan lancar sekiranya kerjasama secara bersepadu dapat sambutan yang baik dari semua lapisan masyarakat.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS-1/2019 (Ref: FRGS/1/2019/SS07/UMS/02/1) yang bertajuk “Penelitian Sistem Pengurusan Keselamatan Surau Di Pasaraya Terpilih Dalam Zon Bandar Selamat Di Sabah”. Universiti Malaysia Sabah.

Rujukan

- Ahmad Nazrin Aris Hj Anuar dan Zainab Khalifah. 2009. Kepentingan Program Bandar Selamat Sebagai Asas Keselamatan Industri Pelancongan di Bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*. 51: 123-137
- Ainur Zaireen Zainudin, & Jalaluddin Abdul Malek. (2010). Keberkesanan Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk kajian kes: Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53, 13–34.
- Azlina Abdullah. 2010. Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Abd 21. *Akademika*. 78: 3-14.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Ab Halim Tamuri, 2011. Fungsi Masjid dan Surau dalam Pendidikan Islam di Sekolah. *Al-Basirah* 2011, vol 1. No. 1, 105121.
- Berita Harian Online (2017). Bungkus Dadah bawah Surau. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/334249/bungkus-dadah-bawah-surau>
- Clark, D. (1982). *Urban Geography : An Introduction Guide*. Croom Helm
- Cohen, L.E. and Felson, M (1979). “Social Change And Crime Rate Trends : A Routine Activity Approach”. *American Sociological Review*, Vol. 44 (4), 588-608
- Hasma Zainuddin, Yuslinda Mat Yassin & Tham Jen Sern. 2012. *Penulisan Berita Jenayah: Antara Sensasi, Etika dan Tanggungjawab Sosial*. Jabatan Pengajian Media. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Holt, A.S.J. (2005). *Principle of Construction Safley*. Oxford: Blackwell Science.
- _____, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004).
- _____, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2013).
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2014). *15 langkah pencegahan Program Bandar Selamat: Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)*. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2005). *Garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat*.
- Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Laporan tahunan Program Transformasi Kerajaan 2011*.
- Jamaludin Mustaffa, Hanani Sidek, & Mohd Hilmi Hamzah. (2013). Pemahaman Program Bandar Selamat dalam keselamatan awam (jenayah) di Wangsa Maju Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 16, 51–64. Sumber jurnal
- Kamarudin Ngah & Jamaluddin Mustafa. 2013. *Perancangan Bandar Selamat di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lim Siaw Fong. 2005. *Environment Management Environmental Education in Four Schools in the Klang Valley*. Unpublished Master of Environmental Technology. Faculty of Science: University of Malaya
- Meng, Gan Kong. 2007. Kajian Kes Perogol di Penjara Negeri Kedah dan Perak. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Fareed, & Mohd Yusof Hussain. (2013). Keberkesanan Program Bandar Selamat: Persepsi komuniti di Bandar Kulaijaya, Malaysia. *Akademika*, 83(1), 25–34.
- Newman, O. (1972). *Defensible Space; Crime Prevention through Urban Design*. New York: Macmillan
- Norcikeyonn Samuni, Nor-Ina Kanyo, & Jabil Mapjabil. (2021a). Kesesuaian langkah memperkasakan domain bandar berdaya huni di zon black spot jenayah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8), 150–161.
- Norcikeyonn Samuni, Nor-Ina Kanyo, & Jabil Mapjabil. (2021b). Keterlibatan komuniti dalam memperkasakan bandar berdaya huni di zon black spot jenayah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 27, 97–118.
- Program 1 masjid 1 polis jamin keselamatan Jemaah, 28 Mac 2019.

- <https://www.malaysiakini.com/news/469859>
- Program Transformasi Kerajaan. (2014). *Laporan tahunan 2014*.
- R. Chilton. 1991. *Urban Crime Trends and Criminological Theory. Criminal Justice Research*. 6: 1-10
- Shelley, L. I. (1981). *Crime and Modernization : The Impact of Industrialization and Urbanization on Crime*. United State. Southern Illinois University Press
- Sinar Harian Online (10 Mac 2017).
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/03/258193/lelaki-ditahan-kes-buang-bayi>
- Sinar Harian. (2020). Polis tahan tiga sekeluarga curi di masjid, surau.
<https://www.sinarharian.com.my/article/68165/EDISI/Perak/Polis-tahan-tiga-sekeluarga-curi-di-masjid-surau>
- Siti Rasidah Md Sakip, Norizan Mt Akhir, Nor Eeda Hj Ali, & Mazlina Che Mustapa. (2025). Towards safer cities: Unravelling safety perceptions in Malaysian communities across 46 local authorities. *Planning Malaysia*, 23(6), 539–555. Sumber jurnal
- UN-Habitat. (1996). *Safer Cities Programme*.
- Unit Perancang Ekonomi, (2002). Indeks Kualiti Hidup Malaysia, <http://www.epu.jpm.my/BI/publi/mqli2002/sec2.pdf> (29 April 2004)
- Unit Perancang Ekonomi. (2004). Indeks Kualiti Hidup Malaysia, <http://www.epu.jpm.my/BI/publi/mqli2004/sec2.pdf> (26 Julai 2007)
- Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) 2013. Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, <http://www.vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/Indeks%20kesejahteraan%20hidup%20Malaysia.pdf> (23 Feb 2018)
- United Nations Human Settlements Programme. (2007). *Enhancing urban safety and security: Global report on human settlements 2007*.
- Utusan Borneo, 2017. <https://www.utusanborneo.com.my/2017/10/16/peranan-masjid-dan-surau-perlu-diperluas>
- Yahaya Udin. 2006. *Pendekatan Pasukan Polis dalam Pencegahan Jenayah Bandar. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006*. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2018. Surau-Dipecah-Masuk-Wang-Tabung-Kelas-Tahfiz-Hilang, <http://yadim.com.my/v2/surau-dipecah-masuk-wang-tabung-kelastahfiz-hilang/> (23 Feb 2018)